

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 15 FEBRUARI 2023
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 9

Kembangkan lagi konsep Menu Rahmah ke sektor lain

Kembangkan lagi konsep Menu Rahmah ke sektor lain

Oleh FAHMI FAIZ
utusannews@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan perlu mengembangkan konsep Menu Rahmah ke sektor lain untuk membantu golongan kurang berkemampuan menghadapi kemeseletan ekonomi termasuk kenaikan harga barang.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Penganalisis Ekonomi, Prof. Emeritus Dr. Barjoiyai Bardai berkata, antara sektor itu adalah perkhidmatan serta ba-

rangan keperluan persekolahan. Katanya, ia membantu golongan berpendapatan rendah menampung perbelanjaan musim persekolahan anak.

“Saya juga bersetuju jika konsep Menu Rahmah dikembangkan ke sektor lain.

“Misalnya keperluan sekolah seperti pakaian, kasut sekolah atau T-shirt, kita juga boleh mengaplikasikan konsep seperti Menu Rahmah,” katanya di sini semalam.

Katanya, konsep tersebut

harus dijadikan asas memacu ekonomi bersifat tolong menolong melibatkan sektor swasta, awam serta pengguna.

Malah tambahnya, melalui konsep Menu Rahmah, ia juga harus dijadikan landasan mengaplikasikan sistem ekonomi yang dikenali sebagai *reserved purchase* iaitu konsep tolong menolong sesama masyarakat yang kini menjadi tradisi di banyak negara maju.

“Saya harap ia akan disambungkan di kawasan luar bandar

dan kawasan miskin bandar, dengan konsep yang dipanggil *reserved purchase*. Ini merujuk kepada orang yang lebih berkeupayaan akan membuat belian.

“Contohnya katalah dia beli roti canai, dia beli lima keping dengan harga RM1 sekeping. Tapi, dia bayar RM10. Kemudian, dia kata RM5 baki itu dimasukkan ke dalam *reserved purchase*.

“Jadi nanti akan ada orang yang betul-betul tidak berkemampuan akan tanya, ada tak

orang buat *reserved purchase*? Sebenarnya tradisi ini sudah ada di banyak negara seperti di Turkiye, Kanada serta sesetengah negara Eropah,” katanya.

Beliau berkata, inflasi semasa negara berada dalam lingkungan yang optimum.

“Pemulihan ekonomi bukan bergantung kepada penurunan harga barang. Semua negara memerlukan inflasi, kadar inflasi kita secara keseluruhan dalam lingkungan tiga peratus, maknanya optimum,” katanya.